

BAB 11

KESIMPULAN:

RUMUSAN DAN HALA TUJU

*Ruzaini Ijon, Mohd Kamil Ahmad, Yohan Kurniawan dan Siti
Fathihah Abd Latif*

Penyakit yang disebabkan oleh corona virus yang dikenali sebagai COVID-19, telah dikenal pasti di Wuhan, China pada November 2019. Penyakit ini adalah sekumpulan wabak yang dibawa oleh sindrom pernafasan akut coronavirus 2 (SARS-CoV-2). COVID-19 telah diisyiharkan sebagai pandemik dan menular dengan sangat pantas hanya dalam beberapa bulan sahaja dan mampu melumpuhkan ekonomi dunia. Jelas bahawa pandemik COVID-19 ini telah memberi impak kepada seluruh masyarakat sejagat. Pada masa yang sama juga, peranan institusi sama ada dalam konteks institusi politik, sosial maupun ekonomi turut teruji dan tercabar dengan situasi COVID-19 yang melanda negara. Institusi politik negara pastinya antara yang paling terkesan apabila tadbir urus negara berubah dalam usaha menangani impak COVID-19 kepada rakyat. Aspek tadbir urus merangkumi hubungan diplomatik antara negara, kawalan penyakit, pengurusan kesihatan, kestabilan ekonomi, dan keharmonian masyarakat merupakan antara aspek penting yang perlu dititikberatkan oleh kepimpinan negara.

Tadbir urus negara yang baik adalah sangat berkait dengan maqasid al-shariah, atau matlamat syariah iaitu konsep utama Islam bahkan semua agama, yang menekankan kepentingan menjaga agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan. Konsep-konsep ini yang mendasari banyak aspek kehidupan, termasuk tadbir urus negara adalah sangat penting untuk dipatuhi dan ditekankan untuk kebaikan umat manusia terutamanya dalam